

Tarikh debat ditentukan

Oleh Munaarfah Abu Bakar

BH 14 OCT 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat – Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata tarikh, tempat dan pengerusi debat antara Pemuda Umno dengan Dewan Pemuda Pas (DPP) akan ditentukan minggu depan.

Beliau berkata, penentuan perkara berkaitan debat akan dibuat melalui perbincangan dua hala antara Penolong Setiausaha Pemuda Umno, Zulkifli Mohd Alwi dan Setiausaha DPP, Idris Ahmad dalam masa terdekat ini.

“Perbincangan itu membabitkan menentukan dalam memilih tempat, tarikh, pengerusi serta segala aspek berkaitan yang mana

“**Perbincangan dua hala dengan Pemuda Pas ini penting kerana saya tidak mahu nanti ada pihak menggunakan kesempatan mengatakan Pemuda Umno yang menentukan segala-galanya dalam debat itu**”

KETUA PEMUDA – HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN

membabitkan perbincangan antara Zulkifli dengan Idris.

“Perbincangan dua hala dengan Pemuda Pas ini penting kerana saya tidak mahu nanti ada pihak menggunakan kesempatan mengatakan Pemuda Umno yang menentukan segala-

galanya dalam debat terbabit,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Minum Pagi Peserta Kursus Pidato 1, Pemuda Umno Malaysia di Ibu Pejabat Umno, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, pagi ini.

Ditanya mengenai kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang bersetuju supaya diadakan debat, Hishammuddin berkata, debat itu akan dijalankan dalam suasana beradab dan bersopan.

“Kami mengalu-alukan pandangan dan pendirian pucuk pimpinan kita bahawa debat ini harus dijalankan dalam suasana beradab. Tetapi perkara penting yang ditekankan oleh Datuk Seri (Dr Mahathir) mengenai debat itu adalah cara dan kaedah yang bagaimana ia dijalankan,” katanya.

Dr Mahathir dalam kenyataannya semalam berkata, debat itu bukan-saja

membincangkan mengenai hak istimewa Melayu malah perlu diadakan kepada rakyat mengenai hak berkenaan supaya mereka tidak terkeliru.

Hishammuddin berpendapat, penting bagi kedua-dua pihak memilih pengerusi debat yang bukan saja berupaya mengawal keadaan malah diterima orang ramai sebagai tidak berpihak kepada sesiapa.

Malah Ketua DPP, Mahfuz Omar sendiri ketika menghantar surat persetujuan untuk berdebat dengan Pemuda Umno baru-baru ini turut mencadangkan, Profesor Diraja Ungku Aziz Ungku Hamid sebagai calon paling layak mempengerusikan sesi

minggu depan

debat terbabit.

Ditanya mengenai nama Ungku Aziz disebut-sebut sebagai calon paling layak mempengerusikan debat berkenaan, Hishammuddin berkata: “Nama beliau memang disebut-sebut dan kami akan pertimbangkan calon yang ada. Semua perkara ini masih lagi terpulung kepada hasil perbincangan antara Zulkifli dan Idris.”

Sumber memberitahu *Berita Harian* berkata, beberapa nama lain turut disenaraikan sebagai calon pengerusi debat selain Ungku Aziz iaitu Ketua Pengarah Biro Tatanegara, Dr Nordin Kardi, Profesor Datuk Anwar Ali daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan

Prof Datuk Mahmud Zuhdi Abdul Majid dari Universiti Malaya.

Selain itu ada beberapa nama lain turut disenaraikan sebagai calon pengerusi debat yang mana jumlah keseluruhan tidak melebihi 10 orang.

Hishammuddin yang ditanya mengenai kenyataan Mahfuz semalam yang mendakwa debat itu perlu diadakan bagi membuktikan perpecahan Melayu adalah disebabkan oleh Umno, beliau berkata: “Itu terserah kepada beliau (Mahfuz). Tetapi pada saya, perkara penting ialah agenda Melayu dan Umno memang jelas. Kami ingin buktikan yang kami tahu apa yang kami lakukan.”